

## TINGKATAN 2 (BAB 6) : BRITISH MENGEKSPLOR EKONOMI

**3** Penjajah Inggeris tidak menyekat perkembangan pendidikan Inggeris di Tanah Melayu. Namun begitu, orang Melayu tidak diberi peluang yang meluas untuk mendapatkan pendidikan Inggeris.

Pihak Inggeris bersikap sedemikian kerana mereka bimbang orang Melayu akan

- A** menguasai bidang ekonomi
- B** mempunyai kesedaran politik
- C** menjadi guru berkelayakan
- D** berpindah ke bandar

**(JAWAPAN B: NOTA 8b)**

**4** Perusahaan bijih timah di Tanah Melayu pada kurun ke-19 telah mengalami beberapa perubahan besar.

Antara berikut, apakah perubahan-perubahan itu?

- I Tanah Melayu menyertai Majlis Timah Antarabangsa
- II Industri mengetin mula berkembang
- III Kapal korek mula digunakan
- IV Kemasukan buruh Cina secara betamai-ramai
- A** I, II, dan III
- B** I, II, dan IV
- C** I, III, dan IV
- D** II, III, dan IV

**(JAWAPAN D: NOTA 4b iv vi vii)**

**Soalan 5** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu
1889	26 000 tan
1904	51 733 tan
1929	70 000 tan

**5** Berdasarkan jadual di atas, apakah sebab utama pengeluaran bijih timah meningkat?

- A** Kerana pihak Inggeris menggunakan buruh Cina secara meluas
- B** Kerana pihak Inggeris mendirikan kilang melebur bijih timah
- C** Kerana pihak Inggeris menggunakan kapal korek
- D** Kerana pihak Inggeris menggunakan pam hidrolik

**(JAWAPAN C: NOTA 4b vii)**

**Soalan 6** berdasarkan jadual di bawah.

Kaum	Tempat tinggal
Melayu	Desa
Cina	Bandar
India	Ladang getah

**6** Berdasarkan jadual di atas, pihak Inggeris sengaja membiarkan penduduk di Tanah Melayu tinggal secara berasingan.

Apakah **kesan penting** daripada jadual di atas?

- A** Bantuan pendidikan sukar disalurkan
- B** Ekonomi negara kurang berkembang
- C** Pergaduhan sesama sendiri sering berlaku
- D** Persefahaman antara kaum sukar dicapai

**(JAWAPAN D: NOTA 6a+6b)**

**Soalan 7** berdasarkan pernyataan di bawah.

Perusahaan getah di Tanah Melayu terutama pada akhir kurun ke-19 berkembang begitu pesat semasa pentadbiran Inggeris menyebabkan pelabur Barat menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh.

- 7 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Inggeris bagi mengatasi masalah tersebut?

- A Dengan mewujudkan badan perlindungan orang India
- B Dengan meninggikan kadar bayaran upah
- C Dengan melatih penduduk tempatan
- D Dengan menggalakkan kemasukan buruh India

(JAWAPAN D: NOTA 3a iv)

- 9 Sehingga Perang Dunia Kedua, orang Melayu kurang memegang jawatan penting dalam perkhidmatan kerajaan.

Mengapakah keadaan ini wujud?

- A Orang Melayu menumpukan bidang pertanian
- B Orang Melayu enggan bekerja dengan kerajaan
- C Orang Melayu mendapat pendidikan peringkat rendah
- D Orang Melayu bergiat dalam bidang politik

(JAWAPAN C)

- 10 Semasa penjajahan, pihak Inggeris membentarkan sistem pendidikan pelbagai aliran wujud di Tanah Melayu.

Apakah kesan **utama** pihak Inggeris mengharamkan sekolah tersebut?

- A Pihak Inggeris mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk pendidikan

- B Sekolah menghadapi kekurangan tenaga pengajar
- C Perpaduan sukar diwujudkan di kalangan penduduk
- D Semangat nasionalisme berkembang mengikut negara asal

(JAWAPAN C: NOTA 8b)

**Soalan 11** berdasarkan senarai di bawah.

- *Sekolah Malam*
- *Sekolah Utama*

- 11 Senarai di atas merujuk kepada sekolah Cina yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1920-an.

Apakah sebab **utama** pihak Inggeris mengharamkan sekolah tersebut?

- A Menjadi pusat persembunyian imigran
- B Menjadi pusat penyebaran fahaman Kuomintang
- C Menjadi pusat penyebaran ideologi komunis
- D Menjadi pusat kegiatan menentang Inggeris

(JAWAPAN C: NOTA 10c)

**PMR 1997**

- 8 Apakah langkah **penting** yang diambil oleh pihak Inggeris untuk melahirkan pegawai pentadbir di kalangan orang Melayu sebelum tahun 1920-an?

- A Menggalakkan perkembangan sekolah aliran Inggeris
- B Menubuhkan sekolah untuk anak golongan bangsawan
- C Menubuhkan pusat latihan pegawai di Kuala Lumpur
- D Menggalakkan orang Melayu memasuki sekolah Inggeris

(JAWAPAN B: NOTA 12e)

**Soalan 12** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Bilangan Penduduk
1901	1.2 juta
1921	3.3 juta
1957	7.0 juta

12 Apakah faktor **utama** yang mendorong pertambahan penduduk Tanah Melayu yang ditunjukkan dalam jadual di atas?

- A Kemajuan dalam bidang pendidikan
- B Kemajuan dalam bidang ekonomi
- C Kemajuan dalam kemudahan asas
- D Kemajuan dalam bidang perubatan

(JAWAPAN B: NOTA 4e)

13 Mengapa Rancangan Sekatan Getah Stevenson diperkenalkan pada tahun 1922?

- A Untuk mengehadkan pengeluaran getah
- B Untuk mengehadkan kemasukan getah tiruan
- C Untuk mengehadkan eksport getah
- D Untuk mengehadkan kawasan penanaman getah

(JAWAPAN A: NOTA 3c i)

**Soalan 14** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Harga Getah Per Paun di Tanah Melayu
1890	\$1.30
1900	\$1.70
1906	\$2.50
1910	\$5.50

14 Apakah kesan daripada kenaikan harga getah antara tahun 1890 hingga 1910 ke atas perusahaan getah di Tanah Melayu?

- A Pembinaan kilang memproses getah
- B Pembukaan kawasan baru penanaman getah
- C Penubuhan Institut Penyelidikan Getah
- D Penciptaan kaedah baru menoreh getah

(JAWAPAN B: NOTA 3a vi)

**Soalan 15** berdasarkan pernyataan di bawah.

- Kerajaan menyediakan beberapa buah sekolah Melayu dan Inggeris
- Sekolah Inggeris persendirian dikelolakan oleh mubaligh Kristian
- Sekolah Cina dikelolakan oleh masyarakat Cina tempatan
- Sekolah India dikelolakan oleh masyarakat India tempatan

15 Pernyataan di atas menerangkan tentang sistem pendidikan di Tanah Melayu semasa penjajahan British.

Ini menunjukkan bahawa

- A British enggan menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi
- B British enggan terlibat dengan masalah sosial tempatan
- C British kurang memberi perhatian terhadap sekolah Cina dan India
- D British kurang memberi perhatian terhadap masalah perpaduan

(JAWAPAN D: NOTA 6b)

16 Antara berikut, yang manakah kesan daripada perkembangan perusahaan melombong bijih timah di Tanah Melayu pada kurun ke-19?

- I Perpindahan orang Melayu dari luar bandar ke kawasan bandar
  - II Kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu
  - III Campur tangan British dalam hal ehwal Negeri-Negeri Melayu
  - IV Pembinaan jalan kereta api yang menghubungkan bandar dengan pelabuhan
- A I, II, dan III
  - B I, II, dan IV
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 4b iii iv v)

**Soalan 17** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Sekolah
1816	Penang Free School
1826	Malacca Free School
1893	Victoria Institution, Kuala Lumpur
1905	Malay College, Kuala Kangsar

- 17 Senarai di atas menunjukkan penubuhan sekolah Inggeris di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu

Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian?

- A Penerimaan pentadbiran British lebih awal
- B Kemudahan pengangkutan ke sekolah
- C Perbelanjaan membina sekolah lebih murah
- D Orang Melayu suka belajar di sekolah Inggeris

(JAWAPAN A)

**Soalan 18** berdasarkan jadual di bawah.


Jumlah pelajar di sekolah Inggeris pada tahun 1901	
Melayu	Bukan Melayu
400 orang	7200 orang

- 18 Berdasarkan jadual di atas, mengapakah bilangan pelajar Melayu rendah?

- A British menghadkan bilangan pelajar Melayu
- B British mengenakan syarat kemasukan yang ketat
- C Sekolah Inggeris dikhaskan kepada golongan atasan
- D Sekolah Inggeris dikendalikan oleh mubaligh

(JAWAPAN D: NOTA 12c)

**Soalan 19** berdasarkan rajah di bawah.



- 19 Berdasarkan rajah di atas, apakah faktor X?

- A Kemasukan modal luar
- B Pertambahan pelabur tempatan
- C Mudah mendapatkan buruh tempatan
- D Pasaran dalam negeri luas

(JAWAPAN A: NOTA 4b v)

**PMR 1999**

**Soalan 20** berdasarkan maklumat di bawah.

Perkara	Tahun
Rancangan Sekatan Stevenson	1932
Rancangan Getah Antarabangsa	1934

- 20 Rancangan di atas diperkenalkan bertujuan untuk

- I meningkatkan mutu getah
  - II mewujudkan pasaran baru getah
  - III mengurangkan pengeluaran getah
  - IV menetapkan kuota eksport getah
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 3c i ii)

**PMR 2000**

**PMR 1998**

H. N Ridley memperkenalkan kaedah menoreh getah mengikut sistem ibedem atau sistem tulang herring

**11** Apakah keistimewaan cara toreh-an di atas?

- I Mengurangkan penggunaan buruh
  - II Mempercepatkan pertumbuhan
  - III Memanjangkan hayat pokok
  - IV Meningkatkan pengeluaran susu
- A I dan II      C III dan IV  
 B II dan III      D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 3a v)

### PMR 2001

**Soalan 23** berdasarkan rajah di bawah.

Mendulang → Lombong dedah →  
 Pam kelikir → Kapal korek


**23** Rajah di atas ialah perubahan cara perlombongan yang digunakan pada kurun ke-19 hingga ke-20.

Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?

- A Pekerja      C Petempatan  
 B Pengusaha      D Pengangkutan

(JAWAPAN B: NOTA 4f)

**Soalan 24** berdasarkan rajah di bawah.



**24** Apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk meningkatkan ekonomi tradisional kesan daripada dwiekonomi?

- I mempelbagaikan keluaran pertanian
  - II menggiatkan pengeluaran industri berat
  - III memperbaiki kemudahan diluar bandar
  - IV melancarkan rancangan penempatan semula
- A I, II, dan III      C I, III, dan IV  
 B I, II, dan IV      D II, III, dan IV

(JAWAPAN C)

**Soalan 25** berdasarkan maklumat di bawah.

Sistem Kangani - Buruh India  
 Sistem Kontrak - Buruh Cina

**25** Maklumat di atas merujuk kepada sistem kemasukan imigran ke Tanah Melayu pada kurun ke-20.

Apakah persamaan kedua-dua sistem di atas?

- A Terikat dengan majikan  
 B Dapat latihan kemahiran  
 C Bebas memilih pekerjaan  
 D Datang bersama keluarga

(JAWAPAN A: NOTA 4e)

**26** Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri pendidikan di bawah pemerintahan British di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20?

- I Waktu belajar diselaraskan
- II Sukatan pelajaran dari negara asal
- III Bahasa ibunda menjadi bahasa penghantar
- IV Kemudahan pembelajaran disediakan kerajaan

(JAWAPAN B: NOTA 10a)

**Soalan 27** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Landasan Kereta Api
1885	Taiping ke Port Weld
1890	Seremban ke Port Dickson

**27** Apakah kesan perkembangan pengangkutan kereta api di atas terhadap kemajuan ekonomi Tanah Melayu?

- I Mempercepatkan penghantaran hasil pengeluaran
  - II Memudahkan pengimportan bahan makanan
  - III Menggalakkan pembukaan kawasan baru
  - IV Menarik kemasukan pelabur Barat
- A I, II, dan III      C I, III, dan IV  
B I, II, dan IV      D II, III, dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 5b+c)

**Soalan 28** berdasarkan jadual di bawah.

Perkembangan Kawasan Penanaman Getah	
Tahun	Kawasan (ekar)
1897	345
1910	500 ribu
1914	1.5 juta

**28** Berdasarkan jadual di atas, apakah faktor yang menyebabkan peningkatan kawasan penanaman tersebut?

- A Penghapusan cukai eksport  
B Tiada persaingan dengan tanaman lain

- C Kejatuhan harga kopi di pasaran dunia  
D Galakan daripada pembesar tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 3a i)

#### PMR 2004

**26** Mengapa harga kopi jatuh di pasaran dunia pada akhir kurun ke-19?  
A Kos pembersihan yang tinggi  
B Masalah pengangkutan  
C Serangan serangga perosak  
D Pemilihan terhadap getah meningkat

(JAWAPAN C: NOTA 3a i)

#### PMR 2005

Negara	Cara Kemasukan Buruh ke Tanah Melayu
China	Sistem Kontrak
India	Sistem Kangani

27 Apakah persamaan antara kedua-dua sistem di atas?

- I Tambang dibayar
  - II Majikan ditetapkan
  - III Latihan kemahiran diberi
  - IV Tempoh bekerja ditentukan
- A I, II dan III      C I, III dan IV  
 B I, II dan IV      D II, III dan IV


**(JAWAPAN B: NOTA 4e)**

Tahun	Pelombong Cina	Pelombong Eropah
1910	78%	22%
1937	32%	68%

28 Berdasarkan jadual di atas, mengapakah penguasaan orang Eropah dalam perusahaan bijih timah meningkat pada tahun 1937?

- A Penggunaan tenaga mahir
- B Penggunaan teknologi moden
- C Pembinaan landasan kereta api
- D Perhubungan baik dengan pembesar


**(JAWAPAN B: NOTA 4b vii)**



30 Berdasarkan peta di atas, mengapakah pembinaan landasan kereta api tertumpu di pantai barat?

- A Kepadatan penduduk
- B Kerjasama pemerintah
- C Kos pembinaan murah
- D Kekayaan bahan mentah

**(JAWAPAN D: NOTA 5a)**



29 Graf di sebelah menunjukkan kedudukan harga getah antara tahun 1929 – 1932.

Mengapakah harga getah menurun sekitar tahun 1930-an?

- A Persaingan getah tiruan
- B Pengenalan tanaman baru
- C Kekurangan tenaga buruh
- D Kemelesetan ekonomi dunia

**(JAWAPAN D: NOTA 3b)**

### PMR 2006


Tahun	Harga dalam sen sepaun
1929	34.48
1932	7.01
1933	10.23

29 Jadual di atas menerangkan kedudukan harga getah antara tahun 1929 hingga 1933.

Bagaimanakah harga getah berjaya ditingkatkan semula selepas tahun 1933?

- A Penurunan kadar cukai
- B Pertambahan tenaga buruh
- C Pemodenan teknik torehan
- D Pengeluaran berdasarkan kuota

**(JAWAPAN D: NOTA 3c ii)**



- 30 Carta di atas menunjukkan jumlah pelajar di sekolah Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1932.

Mengapakah peratus pelajar Melayu kurang berbanding pelajar Cina dan India?

- I Dasar pemerintahan British
  - II Pengaruh agama Kristian
  - III Waktu persekolahan panjang
  - IV Tertumpu di kawasan bandar
- A** I, II dan III      **C** I, III dan IV  
**B** I, II dan IV      **D** II, III dan IV

Tengku Ahmad : Anakanda akan dihantar ke pusat pengajian yang sesuai untuk mendapat pendidikan dan latihan pentadbiran. Setelah itu anakanda boleh berkhidmat dengan kerajaan British

Tengku Zainal : Baiklah ayahanda.


- 31 Dialog di atas mungkin berlaku pada awal kurun ke-20.

Apakah pusat pengajian yang dimaksudkan?

- A** Victoria Institution  
**B** Penang Free School  
**C** Kolej Melayu Kuala Kangsar  
**D** Sekolah Melayu Bayan Lepas

**(JAWAPAN C: NOTA 12e ii)**

## PMR 2007




- 29 Rajah di atas menunjukkan kewujudan dwiekonomi semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

Apakah kesannya?

- A** Jurang ekonomi berlaku
- B** Perkembangan ekonomi lembab
- C** Agihan sumber ekonomi menyeluruh
- D** Penguasaan ekonomi oleh penduduk tempatan

**(JAWAPAN A: NOTA 2 iii)**



Graf di atas menunjukkan pengeluaran bijih timah oleh pelombong Eropah.

Apakah faktor yang membawa kepada peningkatan pengeluaran tersebut?

- I Tenaga buruh ramai
  - II Kapal korek digunakan
  - III Harga pasaran meningkat
  - IV Pembesar memberi sokongan
- A** I dan II      **C** III dan IV  
**B** II dan III      **D** I dan IV

**(JAWAPAN B: NOTA 4b ii vii)**

Muthu : Sekarang ini anak-anak kita mudah mendapat pendidikan.

Kumari : Kenapa?

Muthu : Kerana pengusaha ladang wajib menyediakan sekolah dan guru-guru di ladang.

- 31 Dialog di atas mungkin berlaku pada tahun 1912.

Apakah faktor yang mewajibkan pengusaha ladang menyediakan sekolah di ladang?

- A** Permintaan ibu bapa  
**B** Menjimatkan perbelanjaan  
**C** Pengenalan undang-undang  
**D** Mengurangkan masalah sosial

**(JAWAPAN C: NOTA 11a)**

## PMR 2008

- 30 Bagaimanakah orang Eropah dapat menguasai perusahaan bijih timah di Tanah Melayu pada tahun 1930-an?  
 A Mendapat kerjasama pembesar tempatan  
 B Menggunakan tenaga buruh yang ramai  
 C Memodenkan kaedah pengeluaran  
 D Menstabilkan harga pasaran

(JAWAPAN C: NOTA 4b vii)

- 31 Ciri berikut berkaitan dengan ekonomi dagangan di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20.

- Berorientasikan eksport
- Penglibatan syarikat asing
- X


Apakah ciri X?

- A Penggunaan teknologi moden  
 B Penumpuan di luar bandar  
 C Penggunaan buruh sedikit  
 D Pelaburan modal terhad

(JAWAPAN A: NOTA 4b vii)

### PMR 2009

- 31 Rajah 3 menunjukkan perubahan tanaman dagangan yang diusahakan di Tanah Melayu.




Rajah 3

Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut?

- I Penggunaan meluas
  - II Peptadbiran berubah
  - III Penglibatan buruh Cina
  - IV Pelaburan modal Barat
- A I dan II                    C II dan III  
 B I dan IV                    D III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 3a ii vii)

- 32 Graf 1 menunjukkan harga getah di Tanah Melayu antara tahun 1929 hingga tahun 1933.



Graf 1  
 Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal harga getah pada tahun 1930-an?

- A Menetapkan kuota pengeluaran  
 B Mengurangkan kadar cukai  
 C Mempelbagaikan tanaman baru  
 D Mencegah serangan penyakit

(JAWAPAN A: NOTA 3c ii)

- 33 Revolusi Perindustrian di Eropah telah meningkatkan permintaan terhadap bijih timah pada akhir kurun ke-19.


Mengapa peningkatan tersebut berlaku?

- A Pertambahan mesin melebur  
 B Penggunaan buruh yang ramai  
 C Peningkatan bilangan golongan berbeza  
 D Perkembangan perusahaan mengetin makanan

(JAWAPAN D: NOTA 4b vi)

### PMR 2010

- 28** Graf berikut menunjukkan peningkatan hasil eksport tembakau di Sabah pada akhir kurun ke-19.




Mengapa peningkatan tersebut berlaku?

- A Penggunaan jentera moden
- B Pertambahan pekerja mahir
- C Pengecualian cukai eksport
- D Pembukaan bank asing

(JAWAPAN C: NOTA 6c i)

- 29** Carta berikut menunjukkan penguasaan orang Eropah dalam perusahaan bijih timah di Tanah Melayu pada tahun 1937.



(JAWAPAN D: NOTA 4b vii)

- 30** Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan British di Tanah Melayu pada kurun ke-20.

- Menyediakan kemudahan asas
- Membawa masuk buruh luar

Mengapa British bertindak demikian?

- A Memantapkan pentadbiran tradisional
- B Mengeksplorasikekayaan negara
- C Memperkuuh sistem pendidikan
- D Meningkatkan taraf hidup

(JAWAPAN B: NOTA 4e)

Seperti 2006 no 31

- 31** Situasi berikut berlaku pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu.

Raja Ahmad bercita-cita untuk berkhidmat di jabatan kerajaan dalam bidang pentadbiran setelah tamat persekolahan.

Institusi pendidikan manakah yang dapat merealisasikan cita-cita Raja Ahmad?

- A Maktab Perguruan Melaka
- B Sekolah Melayu Gelugor
- C Kolej Melayu Kuala Kangsar
- D Maktab Perguruan Sultan Idris

(JAWAPAN C: NOTA 12e i)

- 49** Senarai berikut berkaitan dengan sistem pendidikan di negara kita sebelum merdeka.

- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah vernakular Cina
- Sekolah vernakular Tamil

Apakah kesan pelaksanaan sistem pendidikan tersebut?

- A Petempatan baru bertambah
- B Perpaduan rakyat sukar dicapai
- C Penghijrahan penduduk ke bandar
- D Perbelanjaan pengurusan meningkat

(JAWAPAN B: NOTA 8a)